



KENYATAAN MEDIA JABATAN PERDANA MENTERI JABATAN AUDIT NEGARA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 1/2026 MENGENAI:

- 1. PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN TAHUN 2024**
- 2. AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN**
- 3. AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2026 dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada hari ini, iaitu 23 Februari 2026 (Isnin) setelah mendapat perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
2. LKAN ini terdiri daripada lima belas (15) naskhah seperti berikut:
 - i. Satu naskhah LKAN mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2024;
 - ii. Satu naskhah LKAN mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Badan-Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan; dan
 - iii. Tiga belas (13) naskhah LKAN mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.

Papan Pemuka dalam Talian Ketua Audit Negara (Auditor General's Dashboard - AGD)

3. Sebanyak 273 isu baharu yang dilaporkan dalam LKAN 1/2026 boleh diakses melalui Papan Pemuka dalam Talian Ketua Audit Negara (AGD) seperti di pautan <https://agddashboard.audit.gov.my>. Perkara ini bagi memastikan pemantauan dan susulan Audit dilaksanakan secara berterusan terhadap tindakan penambahbaikan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Persekutuan dan Negeri.

4. AGD memainkan peranan yang penting dan memberikan impak yang besar dalam memperkukuh pengurusan wang awam serta meningkatkan keberkesanan tindakan susulan audit. Bagi tempoh 2024 hingga bulan Disember 2025, pelaksanaan sistem ini telah menyumbang kepada pemulihan hasil dan bayaran balik Kerajaan berjumlah RM316.68 juta. Daripada jumlah tersebut, RM221.52 juta merupakan kutipan daripada agensi Persekutuan, merangkumi tuntutan penalti, tunggakan sewa, pajakan tanah, serta kutipan duti dan cukai.

Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2024

5. LKAN mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2024 memberi tumpuan kepada tiga isu, iaitu Pengesahan Penyata Kewangan, Analisis Penyata Kewangan dan juga Fokus Utama Audit (Key Audit Area). Setakat 9 Januari 2026, sebanyak 143 daripada 145 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2024 telah dikemukakan untuk pengesahan Ketua Audit Negara dan selesai pensijilan.
6. Daripada 143 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2024 yang telah selesai pensijilan, 128 telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (unmodified opinion). Manakala 15 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai (modified opinion), iaitu Pendapat Berteguran seperti di <https://agddashboard.audit.gov.my/agdPKAP2024.pdf>.
7. Analisis Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2024 dibuat untuk menilai prestasi kewangan terhadap lima perkara, iaitu Aset dan Liabiliti, Geran Kerajaan Persekutuan, Pinjaman Diterima, Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari dan Lebihan atau Kurangan Semasa.
8. Fokus Utama Audit (Key Audit Area - KAA) dalam LKAN kali ini adalah berkaitan satu isu ketakteraturan serius dalam kutipan hasil yuran dan perbelanjaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Perkara ini berlaku apabila perjanjian kerjasama yang dibuat oleh UKM tidak mendapat kelulusan Menteri Kewangan selaras dengan Perlembagaan UKM dan tiada kuasa sah yang diperuntukkan bagi tujuan mengutip yuran pelajar berkenaan. Selain itu terdapat perbelanjaan yang tidak teratur dan tidak mematuhi prosedur kewangan yang ditetapkan.
9. Isu ketakteraturan serius ini telah dibawa untuk diambil tindakan ke Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Ketakteraturan Serius (JTKS) Bil.1 Tahun 2026 yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Audit Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 6 Februari 2026. Tindakan ini selaras dengan peluasan kuasa Ketua Audit Negara melalui subseksyen 9(4), Akta Audit 1957 [Akta 62] yang membolehkan Ketua Audit Negara membuat syor bagi menangani apa-apa ketakteraturan serius yang telah berlaku dalam pengakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam di bawah pengauditannya.

10. Selain itu, Fokus Utama Audit turut meliputi isu usaha berterusan (*going concern*) Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) di mana kedudukan kewangannya menunjukkan wujud ketidakupayaan untuk menyelesaikan obligasi kewangan disebabkan jumlah aset tidak mencukupi untuk menampung jumlah liabiliti.

Aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Badan-Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

11. Pindaan Akta Audit 1957 [Akta 62] telah memperluas kuasa Ketua Audit Negara untuk mengaudit badan lain termasuk syarikat yang menerima kepentingan dalam bentuk jaminan kewangan dan pengauditan bagi maksud kepentingan awam melalui pendekatan *Follow The Public Money Audit*, dengan syarat badan lain termasuk syarikat berkenaan diwartakan terlebih dahulu.
12. Selaras dengan pindaan Akta 62 ini, JAN telah mewartakan sebanyak 1,856 badan lain termasuk syarikat melalui Perintah Audit (Akaun Badan Lain) (Pindaan) 2024 yang berkuat kuasa pada 1 November 2024. Sehubungan itu, JAN telah memperkenalkan inisiatif baharu iaitu Sistem e-SelfAudit bagi membolehkan proses pengauditan dilaksanakan sepenuhnya terhadap 1,856 badan lain termasuk syarikat yang telah diwartakan.
13. Pengauditan e-SelfAudit bagi tahun 2025 telahpun selesai dan buat julung kalinya hasil analisis audit dilaporkan dalam LKAN dan dibentangkan di Parlimen.
14. Bagi 852 entiti di peringkat Kerajaan Persekutuan yang diwartakan, hasil analisis Audit melalui Sistem e-SelfAudit antara lain mendapati empat syarikat menjalankan aktiviti tidak selaras dengan objektif penubuhannya; 13 syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) tidak membayar dividen walaupun berada dalam kedudukan solven dan mencatatkan keuntungan; dan terdapat sembilan syarikat mempunyai isu usaha berterusan (*going concern*), yang menerima sokongan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan dalam bentuk geran. Selain itu, sebanyak 208 syarikat juga dalam proses pembubaran/*winding-up/dissolved*/tidak lagi berkaitan dengan Kerajaan.
15. Skop pengauditan e-SelfAudit memberi fokus kepada tiga perkara utama, iaitu pencapaian objektif penubuhan syarikat, tahap amalan terbaik tatakelola dan prestasi kewangan berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit bagi tempoh tahun 2022 dan 2023. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan dalam LKAN 1/2026 secara terperinci adalah berkaitan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB).
16. LKAN 1/2026 turut melaporkan hasil pengauditan terhadap prestasi pelaksanaan program yang berimpak tinggi iaitu Program Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) serta perbelanjaan Projek Pembangunan MyDigital ID dengan penekanan terhadap pematuhan garis panduan dan kawalan dalaman.

Aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Agensi Negeri dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

17. LKAN 1/2026 Mengenai Aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Agensi Negeri dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri melaporkan hasil pengauditan prestasi terhadap pelaksanaan tujuh program/aktiviti yang melibatkan enam Negeri iaitu Kelantan, Pahang, Sarawak, Sabah, Terengganu dan Kedah. Selain itu, sebanyak 18 syarikat Kerajaan Negeri telah diaudit dan pengauditan melalui Sistem e-SelfAudit juga dilaksanakan terhadap 1,004 syarikat yang diwartakan melibatkan 13 Negeri.
18. Orang awam boleh melayari LKAN 1/2026 peringkat Persekutuan di Laman Web JAN seperti di pautan <https://lkan.audit.gov.my> mulai 23 Februari 2026, pukul 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai laporan ini bolehlah di e-mel kepada jbaudit@audit.gov.my.

DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI
KETUA AUDIT NEGARA
23 FEBRUARI 2026